

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kaedah bagi memastikan setiap aktiviti atau projek yang menggunakan bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) saban tahun adalah lebih akauntabiliti dan telus bagi mengelakkan sebarang salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah berlaku.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, matlamat pelaksanaan tadbir urus yang baik adalah untuk memastikan kerajaan dapat mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan secara cekap, berkesan, bebas rasuah serta responsif terhadap kehendak rakyat berlandaskan prinsip ketelusan intergriti dan kebertanggungjawapan. Pelan AntiRasuah Nasional 2019-2023 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 29 Januari 2019 telah mengariskan pemisahan bidang kuasa menteri dengan ketua setiausaha (ketua agensi kerajaan). Ini dilakukan sebagai usaha untuk memisahkan pentadbiran

### SOALAN NO : 3

kerajaan daripada pengaruh politik. Ini perlu untuk memastikan pihak perundangan, pendakwaan dan agensi penguatkuasaan dapat melaksanakan fungsi dengan bebas dan adil berlandaskan undang-undang yang berkuatkuasa. Pelan khusus ini telah dibangunkan oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah, Jabatan Perdana Menteri (GIACC) dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain.

Disamping itu, ketelusan dan pertanggungjawaban dicapai oleh DBKL melalui 3 tahap pemantauan. Tahap pertama adalah pematuhan DBKL kepada panduan-panduan dan dasar pengurusan dalaman DBKL itu sendiri. Sebagai contoh:-

- 1) Tatacara pelaksanaan perolehan hendaklah melalui punca kuasa yang jelas seperti terkandung dalam **Perintah Tetap Perolehan Datuk Bandar Tahun 2015**;
- 2) Menyedia dan menggunakan Garis Panduan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal;
- 3) Memantau prestasi perbelanjaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA);
- 4) Pelaporan hasil dan perbelanjaan dalam Penyata Kewangan Tahunan DBKL diaudit oleh Ketua Audit Negara setiap tahun;
- 5) Mewujudkan beberapa jawatankuasa baru supaya pembuatan keputusan dibuat secara kolektif atau melalui sesebuah jawatankuasa;
- 6) Persoalan pemisahan tugas dititikberatkan di mana sesuatu proses kerja melibatkan jabatan yang berbeza bagi tujuan semak dan imbang; dan

### SOALAN NO : 3

- 7) Penggiliran tugas juga dilaksanakan dengan menempatkan semula pegawai/kakitangan ke bahagian/jabatan baru dari masa ke semasa.

Tahap yang kedua adalah melalui pendekatan separa luaran juga telah diperkenalkan di DBKL melalui:-

- 1) Mesyuarat Majlis Menteri yang melibatkan kesemua Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk turut sama membincang dan mengesyorkan dasar serta hala tuju kepada DBKL; dan
- 2) Pembentukan MPP yang lebih bersifat akar umbi yang dapat menilai pemilihan dan pelaksanaan projek adalah wajar dan tidak membazir.

Pendekatan yang ke 3 dan yang terakhir, iaitu pendekatan luaran bersama rakyat jelata juga dibuat melalui:-

- 1) Aduan terus kepada DBKL melalui portal e-Complaint (iSPAAA);
- 2) Aduan terus kepada Kementerian Wilayah Persekutuan melalui portal Facebook dan Tweeter KWP dan juga YB Menteri; dan
- 3) Aduan terus kepada YB Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pemantauan terhadap ketelusan dan kebertanggungjawaban adalah tanggungjawab kita bersama.

Sekian, terima kasih.